

Faktor Peramal bagi Pembentukan Sahsiah Pelajar Sekolah Menengah di Kuala Lumpur
Predictors of Students' Personality Development among Secondary Schools in Kuala Lumpur

Yakcop Jantan
Sathiamoorthy Kannan

Email: yakcopj@gmail.com

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti peranan pengetua (kemahiran kepimpinan, komitmen dan motivasi), pengaruh rakan sebaya (sebagai model sosial, membina sikap positif dan membina motivasi) dan pengaruh internet (pengaruh kandungan, pengaruh terhadap pelajaran dan kesan sosial) dalam pembinaan kefahaman sahsiah dan pembentukan amalan sahsiah pelajar. Seramai 297 pelajar tingkatan empat dari enam buah sekolah di Kuala Lumpur dipilih secara rawak untuk mengambil bahagian dalam kajian ini. Soal selidik digunakan untuk mengumpul data kajian berkaitan dengan tahap kefahaman, amalan sahsiah pelajar, peranan pengetua, pengaruh rakan sebaya dan penggunaan internet dalam pembentukan sahsiah pelajar. Analisis Structural Equation Model (SEM) menggunakan program AMOS menunjukkan bahawa peranan pengetua merupakan faktor peramal yang signifikan kepada kefahaman sahsiah pelajar ($\beta = .392, p < .05$) dan amalan sahsiah pelajar ($\beta = .130, p < .05$). Pengaruh rakan sebaya juga merupakan faktor peramal yang signifikan kepada kefahaman sahsiah pelajar ($\beta = .228, p < .05$) dan amalan sahsiah pelajar ($\beta = .110, p < .05$). Walau bagaimanapun, penggunaan internet tidak memberi kesan langsung ke atas kefahaman dan amalan sahsiah pelajar. Satu penemuan baru yang tidak diduga ialah kefahaman merupakan faktor peramal kepada amalan sahsiah, dan saiz kesannya adalah besar ($\beta = .644, p < .05$).

Kata kunci: Sahsiah, peranan pengetua, rakan sebaya, internet, analisis SEM

Abstract

This study aims to identify the effects of the role of school principals (leadership skills, commitment and motivation), peer influence (as a social model, enhance positive attitudes and motivation) and internet influences (contents influence, student's education and social life) toward the development of student's personality. Two hundred and ninety-seven form four students from six schools in Kuala Lumpur were randomly selected to participate in this study. Questionnaires were used to collect data. Structural Equation Model (SEM) analysis using AMOS indicates that the role of the school principals was a significant predictor toward the understanding of personality traits among students ($\beta = .392, p < .05$) and was a significant predictor to their personality trait practices ($\beta = .130, p < .05$). Peer influence was also a significant predictor toward understanding ($\beta = .228, p < .05$) and practices ($\beta = .110, p < .05$) of personality traits among students. However, the result of SEM reveals that the internet was not a significant predictor. Therefore, there was no direct effect of the role of the internet towards the understanding and practices of students' personality traits. Unexpectedly, new finding emerged that SEM analysis suggests that understanding of the students' personality traits was a significant factor of practices of the students' personality traits, and the effect size was large ($\beta = .644, p < .05$).

Keywords: Personality traits, role of principal, peer influence, the internet, SEM analysis

Pengenalan

Alam persekolahan hari ini didapati bagitu mencabar dengan masalah salah laku disiplin pelajar. Ini ditegaskan oleh Mohd. Ismail Othman (2006) bahawa masalah salah laku disiplin dalam kalangan pelajar sekolah hari ini amat membimbangkan. Justru, masalah ini telah mendapat perhatian pelbagai pihak dan dibincangkan dari pelbagai sudut oleh, antaranya James Ang (2007); Noor Khairiyati

(2005); Samat Buang (2004); Mohamad Ali Hasan (2004); Khairul Azhar Idris (2000); Hamidah Wok Awang dan Normah Teh (2009).

Masalah salah laku disiplin bukan lagi merupakan ponteng sekolah, ancam murid, kasar dengan murid, datang lewat umpamanya (James Ang, 2007) tetapi masalah salah laku disiplin hari ini telah jauh lebih dahsyat (Noor Khairiyati, 2005; Noran Fauziah Yaakub dan Goh Chee Leong, 2007). Ini kerana sekolah merupakan tempat bertembungnya pelajar dari pelbagai latar belakang dan sosial dengan sistem kepercayaan, sistem nilai, sikap, peribadi dan tingkah laku yang berlainan antara satu sama lain (Sufean Hussin, 1995), akibatnya tidak mustahil pelbagai gelagat boleh berlaku dalam kalangan mereka yang tidak sealiran dengan tata kelakuan sekolah seolah-olah mereka tidak faham tentang sahsiah dan tidak juga mengamalkannya. Oleh itu, masalah ini perlukan perhatian serious oleh semua pihak terutama sekali pihak berwajib dan masyarakat sendiri. Sehubungan dengan itu, kajian ini menyelidik dari tiga perspektif yang berkait, iaitu peranan pengetua, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh penggunaan internet dalam membina kefahaman dan membentuk amalan sahsiah pelajar.

Kajian literatur

Peranan pengetua membina kefahaman dan amalan sahsiah

Pengetua merupakan pihak yang dipertanggungjawabkan untuk menghindarkan perkara mengenai salah laku disiplin dalam kalangan pelajar kerana pembentukan sahsiah merupakan salah satu daripada matlamat falsafah pendidikan Negara yang mesti dipenuhi. Pengetua bertanggung jawab memajukan pelajar mereka (Sharifah Madinah Syed Abdul Rahman, 2007). Pengetua juga bertanggunjawab jika berlaku kemerosotan sama ada dalam bidang akademik mahu pun disiplin di sekolahnya (Hussein Mahmood, 2008). Melalui penerapan nilai-nilai positif gejala dan masalah sosial dalam kalangan pelajar dapat dihindarkan (Abd. Rahim Abd. Rashid, 2004). Untuk itu pengetua perlu menggunakan pendekatan yang berkesan untuk membina tahap kefahaman perlajar, ini sekali gus dapat mempertingkatkan amalan sahsiah mereka.

Lydiah dan Nasongo (2009) menjelaskan bahawa pengetua yang berkesan menggunakan pelbagai pendekatan untuk memastikan prestasi pelajar tercapai seperti ukuran penambahbaikan kualiti, kerja berpasukan dan mempertingkatkan skil yang bersesuaian untuk stafnya. Pengetua juga perlu melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti akademik pelajar melalui pemerhatian dan semakan kerja-kerja guru dan pelajar serta memantau disiplin pelajar. Dari aspek lain, Nkoma, Taru dan Mapfumo (2014) menegaskan pengetua perlu mempunyai visi yang dapat dijadikan keutamaan dalam pengajaran dan pembelajaran. Pengetua juga perlu mengadakan pengawasan bilik darjah secara berjadual tetapi perlu dilakukan tanpa pemakluman bagi mengelakkan daripada pengetua mendapat keputusan yang tidak tepat tentang keadaan sebenar pengurusan bilik darjah.

Sammons, Gu, Day dan Ko (2011) menegaskan bahawa pengetua perlu mengwujudkan suasana pembelajaran yang boleh mengwujudkan motivasi pelajar serta budaya pembelajaran yang boleh menjana perubahan terhadap tingkah laku pelajar ke arah tingkah laku positif pelajar. Pengetua tidak boleh mengambil mudah dengan menganggap semua pelajar tahu untuk berkelakuan seperti mana yang diharapkan, sehubungan dengan itu, pengetua perlu membentuk satu sempadan tata kelakuan yang perlu dipatuhi oleh setiap pelajar (Sharifah Madinah, 2007). Kamaruddin Kachar (dalam Muhammad Faizal, Saedah Siraj, Norfariza Mohd. Radzi dan Maszuria Adam, 2009) menegaskan bahawa untuk memimpin sekolah, Negara memerlukan pemimpin sekolah yang cekap, adil, amanah, dedekasi, berdaya usaha, bertanggung jawab, berdisiplin, berkebolehan dan berakhhlak tinggi bagi memastikan dasar pendidikan mencapai matlamat yang ditetapkan.

Pengaruh rakan sebaya membentuk kefahaman & amalan sahsiah

Rakan sebaya merupakan unsur penting dalam kehidupan seseorang kerana tidak ada orang yang boleh hidup bersendirian (Ahmad Redzuwan, 2003). Mereka mempunyai banyak persamaan dan dengan persamaan inilah menjadikan mereka bagitu akrab dan memerlukan antara satu sama lain.

Rakan sebaya menjadi tempat meluahkan perasaan, sumber untuk mendapatkan pendapat, menjadi pendengar yang baik, sanggup membantu kawan yang menghadapi kesusahan, sebagai penganti keluarga dari segi sokongan sosial dan mental, tempat membentuk identity, tempat mencuba peranan dan sebagai sumber pembentukan sikap dalam perkembangan seks (Zainal Madon dan Mohd Sharani Ahmad, 2006). Rakan sebaya juga mengwujudkan pelakuan saling bantu membantu, menyokong dan berkongsi sesuatu dalam kalangan mereka (Mohd Jamil Yaacob, 2005). Wentzel (1998) melalui hasil kajiannya menunjukkan rakan sebaya memainkan peranan penting kerana mengwujudkan motivasi untuk membantu dan bekerjasama dalam kalangan mereka. Walau bagaimanapun, faktor utama dalam persahabatan ialah mengwujudkan sokongan emosi, berkongsi pengelaman pembelajaran dan membina rasa hormat, merasa dimiliki, difahami dan mendapat layanan dari kawan-kawan mereka (Furrer, Skinner dan Pitzer, t.t). Atas faktor ini, rakan sebaya dapat mempengaruhi rakan ke arah pelakuan gejala sosial (Zainal Madon dan Mohd. Sharani Ahmad, 2006). Seperti yang ditegaskan oleh Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus (2003) rakan sebaya boleh mempengaruhi rakan mereka sama ada ke arah kebaikan mahu pun keburukan.

Pengaruh rakan sebaya memang penting dalam kehidupan seseorang dan merupakan pengaruh yang amat kuat ke atas seseorang (Noor Erma Abu dan Leong, 2014). Kajian oleh Noor Erma Abu dan Leong (2014) menunjukkan bahawa rakan sebaya boleh mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Nursuhaili (dalam Noor Erma Abu dan Leong, 2014) pula menegaskan pengaruh rakan sebaya boleh mempertingkatkan kebolehan dan kognitif sosial seseorang serta turut mempengaruhi sikap dan tingkah laku seseorang. Menjadi kebiasaan setiap orang akan memilih kawan dari kalangan yang mempunyai minat dan kecenderungan yang sama.

Pengaruh penggunaan internet terhadap kefahaman & amalan sahsiah

Impak internet terhadap pelajaran amat ketara. Menurut kajian yang dijalankan oleh Michigan State University, internet memberi impak positif terhadap pembacaan (Viginia Department of Education, 2007). Faktor ini diperjelaskan dengan alasan bahawa internet kaya dengan teks maka faktor memperkembangkan matematik dan sains tidak berapa menonjol (Viginia Department of Education, 2007). Eluwole, Udo dan Ojo (2014) menjelaskan internet merupakan kaedah yang paling cepat mendapatkan maklumat secara atas talian, memudahkan pelaksanaan e-pembelajaran, penyampaian yang cepat, memudahkan pencarian maklumat mengenai pembelajaran, membantu mempertingkatkan proses pembelajaran dan kognitif. Hasil kajian Normah Mustaffa, Wan Amizah, Fauziah Ahmad, Maizatul Haizan dan Mohd Helmi (2013) menunjukkan bahawa aktiviti remaja melayari internet terhadap pelajaran adalah membaca berita. Johnson (2006) dan Young (2007) [kedua-dua dalam Johnson (2010)] menjelaskan bahawa internet mampu menjana kognitif dan perkembangan psikososial kanak-kanak. Selain itu, internet juga memberi manfaat kepada pelajar yang belajar secara jarak jauh dan secara atas talian. Selain itu, Johnson (2010) juga menjelaskan kanak-kanak yang kerap menggunakan internet, tahap pembacaan mereka didapati meningkat dibandingkan dengan kanak-kanak yang kurang menggunakaninya. Beliau mengegaskan bahawa kanak-kanak yang kerap bermain permainan melalui internet didapati berupaya meningkatkan keupayaan mereka memantau stimuli visual, membaca diagram, mengenali ikon dan hubungan spatial visual yang terdapat dalam permainan tersebut.

Mikre (2011) menjelaskan bahawa terdapat beberapa kajian yang menunjukkan bahawa pelajar yang menggunakan ICT dalam proses pembelajaran mereka, kebanyakannya memperolehi pencapaian yang tinggi berbanding pelajar yang tidak menggunakan ICT.

Sehubungan dengan itu, Mikre (2011) mendapati sejak akhir-akhir ini, terdapat peningkatan minat untuk mengetahui bagaimana komputer dan internet boleh digunakan untuk mempertingkatkan keberkesanannya dan tahap keberkesanannya dalam pendidikan di semua peringkat persekolahan samada di peringkat pendidikan formal mahupun tidak formal. Ini membuktikan yang proses pembelajaran telah bergerak ke arah penggunaan ICT dalam aktiviti pembelajaran. Faktor ini juga membuktikan penggunaan ICT terutamanya penggunaan komputer dan internet adalah sesuai dengan kaedah pembelajaran pedagogi konstruktivisme, yang mana dapat meningkatkan penglibatan pelajar dalam

proses pembelajaran (Mikre, 2011). Normah Mustaffa et al (2013) mendapati bahawa kebergantungan remaja terhadap media adalah untuk memenuhi keperluan kendiri iaitu untuk tujuan hiburan, rehat diri, buat sesuatu, luah perasaan dan kongsi minat, selain itu, remaja melayari internet untuk melakukan sesuatu bersama rakan, berseronok dengan keluarga, serta peristiwa, tambah kawan baru dan kongsi pendapat. Hasil kajian Eluwole, Udo dan Ojo (2014) tentang impak internet ke atas pendidikan dan budaya di Africa menunjukkan bahawa kesannya terhadap sosial dan budaya remaja agak ketara. Budaya tempatan didapati telah terhakis. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa akibat pendedahan melalui internet dan media sosial lain dengan dunia luar, kebanyakan belia Nigeria didapati telah berubah dari segi cara berpakaian, cara berjalan dan cara hidup. Kebanyakan belia telah mula memberi perhatian tentang cara berpakaian moden. Kini terdapat belia-belia Nigeria berpakaian cara moden yang mana pakaian sebegini tidak berlaku sebelum ini. Aspek negatif lain yang berkait dengan penggunaan internet dalam kalangan belia Nigeria ialah bersempang yang tidak mendatangkan faedah, bermain permainan dan melayari laman ponografi. Budaya luar didapati telah mula menular ke Nigeria. Walau bagaimanapun, Eluwole, Udo dan Ojo (2014) melaporkan tentang kesan positif mengenai penggunaan internet ialah meningkatnya penembusan maklumat global, berita dan acara-acara hiburan dalam kalangan belia Nigeria.

Berdasarkan kajian literatur di atas, secara umumnya kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor peranan pengetua, rakan sebaya dan internet mempengaruhi pembentukan sahsiah pelajar sekolah menengah di Kuala Lumpur.

Objektif kajian

Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti:

1. Tahap kefahaman sahsiah pelajar,
2. Tahap amalan sahsiah pelajar,
3. Peranan pengetua dari aspek (i) kemahiran kepimpinan, (ii) komitmen dan (iii) motivasi) dalam pembinaan kefahaman sahsiah dan pembentukan sahsiah pelajar,
4. Pengaruh rakan sebaya dari aspek (i) sebagai model sosial, (ii) membina sikap positif dan (iii) membina motivasi dalam pembinaan kefahaman sahsiah dan pembentukan sahsiah rakan-rakan mereka,
5. Pengaruh penggunaan internet dari aspek (i) pengaruh kandungan, (ii) pengaruh terhadap pelajaran dan (iii) kesan sosial terhadap pembinaan kefahaman sahsiah dan pembentukan sahsiah pelajar,
6. Membina model berkaitan pengaruh rakan sebaya dan internet dalam proses pembentukan sahsiah pelajar.


Kepentingan kajian

Kajian ini diharap dapat dijadikan panduan dan rujukan oleh:

1. Pengetua mengenai usaha mereka dalam membentuk sahsiah pelajar,
2. guru dalam memberi bimbingan kepada pelajar mereka dalam memilih kawan dan cara berkawan yang dapat membentuk sahsiah pelajar yang baik,
3. guru dalam memberi bimbingan kepada pelajar mereka cara menggunakan internet secara berhemah dan berfaedah,
4. ibu bapa dalam memberi nasihat dan bimbingan serta memantau anak-anak mereka berkawan dan memilih kawan yang boleh membentuk sahsiah yang baik kepada anak-anak mereka,
5. ibu bapa dalam memberi nasihat dan bimbingan serta memantau anak-anak mereka dalam menggunakan internet secara berhemah dan berfaedah,
6. pelajar dalam memilih kawan yang boleh dijadikan model sosial yang baik, membina sikap positif dan memberi motivasi ke arah pembentukan sahsiah positif,
7. pelajar dalam menggunakan internet secara berhemah dan berfaedah.

Kerangka konseptual

Berdasarkan perbincangan di atas, dicadangkan kerangka konsep seperti ditunjukkan dalam Rajah 1. Kerangka konsep ini melibatkan dua variabel bersandar iaitu (a) kefahaman dan (b) amalan sahsiah pelajar, yang merupakan dua komponen utama pembentukan sahsiah pelajar. Manakala variabel tiga bebas ialah (a) peranan pengetua (b) pengaruh rakan sebaya dan (c) pengaruh penggunaan internet.



Rajah 1: Kerangka konsep pembentukan sahsiah pelajar

Kaedah kajian

Populasi dan sampel kajian

Populasi kajian ini melibatkan pelajar-pelajar tingkatan empat dari enam buah sekolah terpilih di Kuala Lumpur, yang mengandungi seramai 1297 orang pelajar tingkatan empat. Dari jumlah ini, seramai 297 orang pelajar dipilih secara rawak untuk mengambil bahagian dalam kajian ini berdasarkan kepada cadangan Krejcie dan Morgan (1970) pada $p < .05$.

Instrumen kajian

Kajian tinjauan ini merupakan kajian berbentuk deskriptif dan inferensi. Ia dilakukan untuk menyelidik peranan pengetua, pengaruh rakan sebaya dan internet ke atas pembentukan sahsiah pelajar. Kajian ini menggunakan instrumen bina sendiri. Bagi menentukan kesahan kandungan, soal selidik ini telah disemak oleh empat orang panel yang terdiri daripada tiga orang kaunselor berdaftar (dua orang berkhidmat dalam sektor pendidikan dan seorang penjawat awam bukan pendidikan) dan seorang kaunselor sekolah. Berdasarkan cadangan panel tersebut, soal selidik ini disemak semula dan dimurnikan bagi meningkatkan kesahan kandungan serta mengurangkan pengulangan dan kebosanan semasa subjek menjawab soalan yang terlalu banyak (Chua, 2009).

Walau bagaimanapun, komponen soal selidik bagi kefahaman dan amalan sahsiah merupakan item nilai-nilai murni yang diajar di sekolah yang mengandungi 16 komponen nilai murni (Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Komponen soal selidik bagi bahagian kefahaman dan amalan sahsiah dimasukkan satu komponen tambahan iaitu nilai patriotik untuk menjadikannya 17 item. Ini selaras dengan usaha menyemai pembinaan maruah bangsa dan harga diri (Abd Rahim Abd Rashid, 2001). Melalui pekeliling ikhtisas Bil.6/1994 pula, perkara mengenai patriotik ini diperjelaskan agar pihak pentadbir sekolah, guru dan pelajar perlu mengambil serius mengenai soal taat setia dan cinta yang tidak berbelah bagi kepada Negara (Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, 1994).

Soal selidik kajian yang lengkap mengandungi empat bahagian, iaitu tahap kefahaman sahsiah (mengandungi 17 item), tahap amalan sahsiah (mengandungi 17 item), pengaruh rakan sebaya

(mengandungi 10 item) dan pengaruh penggunaan internet (mengandungi 8 item). Semua item soal selidik ini menggunakan skala nisbah (0 = *sangat tidak setuju* manakala 10 = *sangat setuju*).

Kajian rintis

Bagi menentukan kebolehpercayaan soal selidik, kajian rintis telah dijalankan ke atas 32 orang pelajar yang tidak terlibat dalam sampel kajian ini (Chua, 2009). Data diproses dengan menggunakan perisian SPSS. Didapati bahawa pekali alfa Cronbach adalah tinggi bagi kelima-lima variable kajian, iaitu kefahaman sahsiah, amalan sahsiah, peranan pengetua, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh internet (Jadual 1). Menurut Chua (2013), pekali alfa Cronbach antara .65 hingga .95 adalah dianggap memuaskan.

Jadual 1: Skor pekali alfa cronbach kajian rintis

Konstruk	Skor pekali alfa Cronbach (α)
Kefahaman sahsiah	.91
Amalan sahsiah	.95
Peranan Pengetua	.95
Pengaruh rakan sebaya	.84
Pengaruh internet	.81

Selain itu, keputusan analisis awal juga menunjukkan bahawa semua data kajian ini memenuhi syarat normality (data bertaburan normal) ujian parametrik, iaitu nilai *skewness* dan *kurtosis* berada dalam lingkungan -1.96 hingga 1.96.

Hasil kajian

Tahap kefahaman dan amalan sahsiah pelajar, peranan pengetua, pengaruh rakan sebaya dan penggunaan internet

Jadual 2 menunjukkan nilai min kefahaman dan amalan sahsiah pelajar, peranan pengetua (kemahiran kepimpinan, komitmen dan motivasi), pengaruh rakan sebaya (sebagai model sosial, membina sikap positif dan membina motivasi) dan pengaruh penggunaan internet (pengaruh kandungan, pengaruh terhadap pelajaran dan kesan sosial).

Jadual 2: Nilai min dan sisihan piawai bagi peranan pengetua, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh penggunaan internet membentuk sahsiah pelajar

Variabel	Min	Sisihan Piawai
Kefahaman	7.60	1.85
Amalan	6.99	1.59
Peranan pengetua membentuk sahsiah	6.89	2.16
1. Kemahiran kepimpinan	6.68	2.32
2. Komitmen	6.95	2.28
3. Motivasi	7.12	2.38
Pengaruh rakan sebaya membentuk sahsiah	5.92	1.93
1. Sebagai model sosial	5.27	1.77
2. Membina sikap positif	6.42	2.30
3. Membina motivasi	6.24	2.53
Pengaruh penggunaan internet membentuk sahsiah	4.31	1.63
1. Pengaruh kandungan	4.47	2.02
2. Pengaruh terhadap pelajaran	6.06	2.19
3. Kesan sosial	4.26	2.65

Nota: Tahap kefahaman dan amalan sahsiah: Rendah = 0 - 2.2; Sederhana rendah = 2.3 - 4.4; Sederhana = 4.5 - 6.6; Serdahana tinggi = 6.7 - 8.8; Tinggi = 8.9 - 10

Keputusan analisis menunjukkan bahawa tahap kefahaman sahsiah ($\text{min} = 7.60$, S.P. = 1.85) dan amalan sahsiah ($\text{min} = 6.99$, S.P. = 1.59) pelajar tingkatan empat di Kuala Lumpur secara keseluruhan berada pada tahap sederhana tinggi. Namun, nilai min tahap amalan sahsiah pelajar adalah lebih rendah berbanding dengan tahap kefahaman sahsiah mereka.

Peranan pengetua membentuk sahsiah pelajar pula secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana tinggi ($\text{min} = 6.89$, S.P. = 2.16). Walau bagaimanapun, antara tiga komponen peranan pengetua, komponen motivasi pengetua membentuk sahsiah murid berada lebih tinggi ($\text{min} = 7.12$, S.P. = 2.38) berbanding dengan dua komponennya yang lain. Dua komponen yang lain berkenaan ialah kemahiran kepimpinan pengetua dan komitmen pengetua masing-masing juga berada pada tahap sederhana tinggi. Namun, min komitmen pengetua berada lebih tinggi daripada min kemahiran kepimpinan pengetua ($\text{min: komitmen} = 6.96$; kemahiran kepimpinan = 6.69). Ini bererti min kemahiran kepimpinan pengetua berada pada tahap yang paling rendah dalam kalangan tiga komponen peranan pengetua dalam membentuk sahsiah pelajar.

Keputusan analisis mengenai pengaruh rakan sebaya dalam membentuk sahsiah pelajar pula secara keseluruhannya adalah sederhana ($\text{min} = 5.92$, S.P. = 1.93). Walau bagaimanapun, komponen membina sikap positif ($\text{min} = 6.42$, S.P. = 2.30) dalam membentuk sahsiah pelajar merupakan komponen yang paling tinggi berbanding dua lagi komponennya yang lain. Ini diikuti komponen motivasi ($\text{min} = 6.24$, S.P. = 2.53) dan komponen sebagai model sosial ($\text{min} = 5.27$, S.P. = 1.77). Ini bererti komponen sebagai model sosial rakan sebaya berada pada tahap yang paling rendah dalam kalangan tiga komponen rakan sebaya membentuk sahsiah pelajar.

Keputusan analisis mengenai pengaruh internet dalam membentuk sahsiah pelajar secara keseluruhannya adalah sederhana rendah ($\text{min} = 4.31$, S.P. = 1.63). Komponen pengaruh terhadap pelajaran dalam membentuk sahsiah pelajar merupakan komponen yang paling tinggi ($\text{min} = 6.06$, S.P. = 2.19) dalam kalangan komponen pengaruh penggunaan internet terhadap tahap kefahaman dan amalan sahsiah pelajar berbanding dua lagi komponennya yang lain. Ini diikuti komponen pengaruh kandungan ($\text{min} = 4.47$, S.P. = 2.02) dan komponen kesan sosial ($\text{min} = 4.26$, S.P. = 2.65). Ini bererti bahawa kesan sosial pengaruh penggunaan internet mempunyai kesan yang paling rendah dalam membentuk sahsiah pelajar.

Kesan langsung peranan pengetua, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh penggunaan internet ke atas pembentukan sahsiah pelajar

Analisis *Structural Equation Model (SEM)* menggunakan program *AMOS* dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa kesan langsung peranan pengetua (kemahiran kepimpinan, komitmen dan motivasi), pengaruh rakan sebaya (sebagai model sosial, membina sikap positif dan membina motivasi) dan pengaruh penggunaan internet (pengaruh kandungan, pengaruh terhadap pelajaran dan kesan sosial) ke atas pembentukan kefahaman dan amalan sahsiah pelajar.

Jadual 3: Faktor peramal peranan pengetua, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh internet kepada kefahaman dan amalan sahsiah pelajar

DV	IV	Estimate	S.E.	C.R.	P	β
kefahaman	← pengetua	.334	.045	7.376	.000	.392
kefahaman	← rakan	.219	.051	4.292	.000	.228
amalan	← rakan	.091	.034	2.669	.008	.110
amalan	← pengetua	.095	.032	2.995	.003	.130
amalan	← kefahaman	.553	.038	14.736	.000	.644


Nota: Saiz kesan: $\beta = .10 - .29$ bererti saiz kesan kecil; $\beta = .30 - .49$ bererti saiz kesan sederhana; $\beta = .5$ dan ke atas bererti saiz kesan besar (Cohen, 1988).

Keputusan analisis dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa peranan pengetua merupakan faktor peramal yang signifikan kepada kefahaman sahsiah pelajar ($\beta = .392$, $p < .05$) dan amalan sahsiah pelajar ($\beta =$

.130, $p < .05$). Pengaruh rakan sebaya juga merupakan faktor peramal yang signifikan kepada kefahaman sahsiah pelajar ($\beta = .228$, $p < .05$) dan amalan sahsiah pelajar ($\beta = .110$, $p < .05$).

Namun, pengaruh penggunaan internet tidak mempunyai kesan langsung yang signifikan ke atas tahap kefahaman dan amalan sahsiah pelajar. Oleh kerana ia tidak wujud dalam model ini, maka anak panah sehala yang menunjukkan perhubungan pengaruh internet ke kefahaman dan amalan sahsiah disingkir daripada model untuk analisis SEM yang seterusnya.

Satu penemuan baru yang tidak diduga iaitu *SEM* mencadangkan bahawa kefahaman merupakan faktor peramal yang signifikan kepada amalan sahsiah, dan saiz kesannya ke atas amalan sahsiah adalah besar ($\beta = .644$, $p < .05$). Keputusan analisis secara keseluruhan ditunjukkan dalam Rajah 2.



Nota: Model ini sepadan dengan data kajian berdasarkan kriteria kesepadan model $RMSEA < .08$, CFI dan $GFI > .90$ dan $Ratio < .50$ (Chua, 2006).

Rajah 2: Model akhir yang diperoleh daripada kajian ini.

Rajah 2 menunjukkan kesan langsung peranan pengetua, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh internet ke atas kefahaman dan amalan sahsiah pelajar. Hasil analisis SEM dalam Rajah 2 menunjukkan bahawa terdapat kesan yang signifikan dan besar daripada kefahaman sahsiah kepada amalan sahsiah ($\beta = .644$, $p < .05$). Ini menunjukkan bahawa kefahaman sahsiah merupakan satu faktor yang amat penting kepada pembentukan amalan sahsiah pelajar. Keputusan analisis menunjukkan 59% pembentukan amalan sahsiah pelajar disumbangkan oleh tiga faktor iaitu tahap kefahaman sahsiah pelajar, peranan pengetua dan pengaruh rakan sebaya. Dari ketiga-tiga faktor ini, faktor tahap kefahaman sahsiah merupakan penyumbang terbesar ($\beta = .64$), diikuti peranan pengetua ($\beta = .13$) dan pengaruh rakan sebaya ($\beta = .11$). Ini bererti lagi tinggi tahap kefahaman pelajar terhadap sahsiah, lagi tinggi tahap amalan sahsiah mereka.

Rajah 2 juga menunjukkan sebanyak 27% kefahaman sahsiah pelajar adalah diakibatkan oleh peranan pengetua ($\beta = .39$) dan pengaruh rakan sebaya ($\beta = .23$). Secara kesimpulan, antara peranan pengetua dan pengaruh rakan sebaya membentuk tahap kefahaman dan amalan sahsiah pelajar, peranan pengetua merupakan penyumbang yang lebih besar. Ini bererti, pengaruh rakan sebaya merupakan penyumbang terkecil terhadap kefahaman dan amalan sahsiah pelajar, namun, ia juga merupakan faktor yang singnifikan.

Penemuan baru

Tiga penemuan baru kajian ini yang tidak dijangkakan ialah:

1. Tidak terdapat kesan langsung penggunaan internet ke atas pembentukan sahsiah pelajar.
2. Kefahaman sahsiah merupakan faktor peramal kepada amalan sahsiah pelajar.
3. Kefahaman sahsiah merupakan mediator (faktor perantaraan) yang positif kepada perhubungan antara peranan pengetua dan amalan sahsiah pelajar.
4. Kefahaman sahsiah merupakan mediator (faktor perantaraan) yang positif kepada perhubungan antara pengaruh rakan sebaya dan amalan sahsiah pelajar.

Perbincangan

Hubungan antara peranan pengetua dengan kefahaman dan amalan sahsiah pelajar

Secara umumnya, hasil kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang sederhana kuat antara peranan pengetua dalam membentuk sahsiah pelajar tingkatan empat sekolah-sekolah di Kuala Lumpur. Tahap motivasi pengetua membentuk sahsiah pelajar adalah tinggi dan hasil kajian ini menyokong saranan Sharifah Madinah (2007) dan Khuzaimah Sulaiman (2014). Sharifah Madinah (2007) menegaskan bahawa pengetua perlu melibatkan diri secara langsung dalam urusan kebajikan pelajar. Hasil kajian ini menunjukkan peranan pengetua mempunyai kesan langsung ke atas tahap kefahaman sahsiah pelajar mereka dan hasil kajian ini menyokong pernyataan Sharifah Madinah Syed Abdul Rahman (2007) yang menyatakan bahawa menjadi tanggungjawab pengetua mengingatkan guru-guru supaya sentiasa memberikan tunjuk ajar tentang nilai-nilai murni secara menyeluruh dan dengan tingkah laku teladan kepada pelajar mereka.

Secara perbandingan, didapati bahawa kesan peranan pengetua ke atas kefahaman sahsiah ($\beta = .39$) adalah tiga kali lebih besar daripada kesannya ke atas amalan sahsiah pelajar ($\beta = .13$). Ini bererti bahawa peranan pengetua memberi kesan yang lebih besar ke atas kefahaman sahsiah pelajar. Namun, dari segi amalan sahsiah, kesan pengaruh perana pengetua adalah kecil.

Hubungan antara pengaruh rakan sebaya dengan kefahaman dan amalan sahsiah pelajar

Hasil kajian menunjukkan bahawa hubungan antara pengaruh rakan sebaya dengan tahap kefahaman sahsiah pelajar ($\beta = .23$) dan amalan sahsiah ($\beta = .11$) adalah signifikan. Hasil kajian ini selaras dengan pernyataan Ahmad Redzuwan (2003) bahawa rakan sebaya boleh mempengaruhi rakan mereka sama ada ke arah kebaikan mahu pun keburukan, namun, kesan pengaruh rakan sebaya ke atas kefahaman sahsiah adalah dua kali berbanding amalan sahsiah. Ini bererti, walaupun pelajar mempunyai tahap kefahaman sahsiah yang agak baik akibat daripada pengaruh rakan sebaya, namun hanya separuh daripada pengaruh tersebut diamalkan oleh mereka.

Sebagai rumusan, rakan sebaya boleh mempengaruhi kefahaman dan amalan sahsiah pelajar. Namun, ia bergantung berapa kuat faktor dorongan iaitu tahap motivasi yang wujud dalam kalangan mereka untuk membawa ke arah pelakuan positif atau ke arah yang negatif. Selain itu, sejauh mana pelajar mampu memilih rakan sebaya yang boleh dijadikan sebagai model sosial yang baik dan yang boleh membina sikap positif. Ini kerana, faktor-faktor ini boleh menghalang mereka daripada terjerumus ke kanca salah laku disiplin. Sehubungan dengan itu, bimbingan yang sempurna dari kalangan orang dewasa yang signifikan dengan mereka terutama ibu bapa, guru-guru malah kawan-kawan yang lebih matang dan berjaya dalam pelajaran amat diperlukan kerana sokongan ini boleh dijadikan panduan dalam kalangan pelajar untuk memilih rakan sebaya yang boleh membawa mereka ke arah tingkah laku prososial.

Hubungan antara pengaruh penggunaan internet dengan kefahaman dan amalan sahsiah pelajar

Normah Mustaffa, et al. (2013) menyatakan bahawa remaja hari ini amat bergantung kepada internet dan sanggup menghabiskan masa berjam-jam menggunakan internet. Menurut mereka, tahap

kebergantungan remaja terhadap internet adalah tinggi di mana tahap kekerapan penggunaan internet dalam kalangan respondennya adalah 41% melayari internet melebihi 6 jam sehari dan 26.5% melayari internet antara 4 hingga 6 jam sehari. Dan aktiviti utama kebergantungan kepada internet ini ialah untuk bersempang. Ini bererti pengaruh penggunaan internet dalam kalangan remaja adalah tinggi dan kebanyakannya remaja didapati menghabiskan masa menggunakan internet dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah. Selain itu, Ahmad Redzuan Mohd Yunus (2003) berpendapat bahawa rata-rata maklumat yang diminati pelajar melalui internet ialah perisian budaya kuning dan budaya merah. Budaya kuning bererti budaya seks manakala budaya merah bermaksud budaya keganasan dan budaya-budaya ini amat kuat pengaruhnya dalam kalangan pelajar. Akibatnya pelajar banyak menyalahgunakan internet.

Namun, berdasarkan hasil kajian ini, tidak terdapat perhubungan yang signifikan bagi pengaruh internet dengan kefahaman dan amalan sahsiah pada aras $p < .05$, iaitu pengaruh penggunaan internet tidak mempunyai kesan langsung yang signifikan ke atas kefahaman dan amalan sahsiah. Keputusan ini adalah tidak disangka kerana ia tidak selaras dengan kebanyakannya pernyataan pakar dan hasil kajian lepas bahawa internet merupakan sumber kepada perubahan tingkah laku pelajar (Viginia Department of Education, 2007; Johnson, 2006; Young, 2007; Mikre, 2011; Eluwole, Udo dan Ojo, 2014).

Justeru, kajian ini mencadangkan bahawa penggunaan internet tidak memberi kesan ke atas pembentukan sahsiah pelajar. Ini mungkin disebabkan pihak sekolah dalam kajian ini telah berjaya menyemai dan memupuk kefahaman pelajar tentang tatacara menggunakan internet secara berhemah dan berfaedah, dan tanggapan ini berkemungkinan telah menjawai para pelajar. Faktor ini selaras dengan Surat Pekeling Iktisas Bil. 6/2001, Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, 2001 yang menjelaskan tentang perkara-perkara negatif dalam kalangan pelajar apabila berkunjung ke pusat-pusat *Cybercafe* dan Pusat Permainan Video (Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, 2001). Selain itu, ibu bapa juga mungkin telah berjaya mendisiplinkan anak-anak mereka supaya menggunakan internet secara berhemah dan berfaedah. Berpandukan kedua-dua pendekatan ini memungkinkan telah menjadikan pelajar lebih matang dalam menggunakan internet.

Hasil kajian ini menyokong hasil kajian Abrizah Abdullah dan Zainab (2005), yang menyatakan bahawa internet boleh memberi manfaat kepada pelajar kerana: (a) kebanyakannya pelajar hari ini lebih selesa mendapatkan maklumat daripada internet, (b) maklumat mudah dicapai melalui sumber digital, (c) mudah mendapatkan maklumat dari perpustakaan digital. Hasil kajian ini juga menyokong hasil kajian Mazdi Marzuki (2004) yang mendapat penggunaan internet amat berfaedah kepada pelajar geografi untuk mendapatkan maklumat dengan lebih baik, cekap, mudah, murah, cepat dan terkini. Bagitu juga hasil kajian ini menyokong hasil kajian Tengku Zawawi Tengku Zainal (2004) dan Jamaludin Mohaiadin (1998). Hasil kajian Tengku Zawawi Tengku Zainal (2004) mendapatkan penggunaan internet dalam pendidikan amat berkesan apabila dijalankan melalui pembelajaran berdasarkan projek dan boleh dijalankan secara individu mahu pun berkumpulan. Kebaikan lain ialah dapat mempertingkatkan motivasi, keupayaan menyelesaikan masalah, memperbaiki skil penyelidikan perpustakaan, meningkatkan kolaborasi dan mempertingkatkan skil pengurusan sumber. Walaupun internet tidak mempengaruhi sahsiah pelajar, namun, hujah di atas menunjukkan bahawa dengan menggunakan internet secara betul, pencapaian pelajar dapat ditingkatkan.

Sebagai rumusan, walaupun kes ini menunjukkan internet tidak berkesan ke atas amalan sahsiah pelajar, pemantauan dan bimbingan yang berkesan oleh orang-orang yang signifikan kepada mereka iaitu ibu bapa, guru dan rakan sebaya yang matang dan maju dalam pelajaran boleh membantu, membimbangi serta memberi dorongan kepada pelajar menggunakan internet secara berhemah dan berfaedah.

Implikasi kajian dan cadangan

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, pihak pengetua merupakan faktor terpenting menyumbang kepada pembentukan kefahaman dan amalan sahsiah pelajar dibandingkan pengaruh rakan sebaya, dan internet tidak berkesan ke atas pembentukan sahsiah pelajar sekolah menengah di Kuala Lumpur.

Sehubungan dengan itu, pengetua perlu memainkan peranan secara lebih berkesan, menonjol dan dapat dilihat penglibatannya dalam membentuk kefahaman dan amalan sahsiah pelajar agar tahap kefahaman dan amalan sahsiah pelajar dapat diperkasakan pelaksanaannya di peringkat sekolah masing-masing. Dengan ini, dicadangkan beberapa perkara berikut untuk memantap dan memperkaskan lagi tahap kefahaman dan amalan sahsiah pelajar:

1. Mengwujudkan aktiviti berbantu selepas waktu sekolah. Ini bertujuan untuk mengisi kekosongan waktu lompong yang wujud dalam kalangan pelajar selepas waktu sekolah (Sarana Ibu Bapa, t.t) bagi mengelakkan mereka melakukan aktiviti-aktiviti yang tidak berfaedah. Ini kerana, kebanyakan pelajar menguruskan diri sendiri dalam waktu ini akibat daripada kebanyakan ibu bapa mereka bekerja.
2. Memperkasakan aktiviti khidmat masyarakat dan sukarela sebagai kaedah pembelajaran secara langsung ke atas pelajar sekolah. Kaedah ini selaras dengan konsep keteladan dan pembiasaan dalam pendidikan Islam (Hery, 1999) dan teori pembelajaran sosial Bandura (Bandura, 1971).
3. Menyebarluaskan aktiviti pembelajaran berdasarkan ICT dalam kalangan pelajar.—Daripada membiarkan pelajar mengunjungi pusat-pusat siber tanpa kawalan dan pengawasan, adalah lebih baik satu mekanisma baru dibentuk oleh pihak berwajib mengembangkan aktiviti pelajar berdasarkan ICT di sekolah.

Cadangan bagi kajian masa depan

Dua daripada penemuan baru kajian ini adalah kefahaman sahsiah merupakan mediator (faktor perantaraan) yang positif kepada perhubungan antara (1) peranan pengetua dan (2) pengaruh rakan sebaya dengan amalan sahsiah pelajar. Perhubungan tersebut memerlukan kajian masa depan yang teliti sebelum perhubungan tersebut dapat digeneralisasikan secara umum.

Rujukan

- Abd. Rahim Abd. Rashid. (2001). *Nilai-nilai Murni Dalam Pendidikan: Menghadapi Perubahan Dan Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Abd. Rahim Abd. Rashid. (2004). *Patriotisme: Agenda Pembinaan Bangsa*. Cheras: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Abrizah Abdullah dan A.N. Zainab (2005). Internet usage and information seeking behavior of students conducting history projects: Determining the need of a digital library for historical resources. *Jurnal PPM*, 1, 1 – 19.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (2012). *Gejala Sosial dalam Masyarakat Islam: Punca dan Penyelesaian*. Cheras: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Bandura, Albert. (1971). *Social Lerning Theory*. New York City: General Learning Press.
- Chan Yuen Fook. (2009). *Penilaian Keberkesanan Program Latihan Pengurusan Dan Kepimpinan Sekolah*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Asas statistik penyelidikan*. Shah Alam: McGraw Hill Education.
- Chua, Y. P. (2009). *Advanced research statistic univariate and multivariate tests*. Shah Alam: McGraw Hill Education.
- Chua, Y. P. (2009). *Statistik penyelidikan lanjutan (Buku 5)*. Shah Alam: McGraw Hill Education.
- Chua, Y. P. (2009). *Statistik penyelidikan lanjutan I: Ujian univariat dan multivariat. Buku 4*. Shah Alam: McGraw Hill Education.
- Chua, Y. P. (2013). *Mastering research statistics*. Shah Alam: McGraw Hill Education.
- Cohen. (1988). *Statistical Power Analysis for the behavioural Sciences*, (2nd.ed.). Hillsdale, New Jersey: Lawrance Erlbaum Associate, Inc.
- Eluwole, O.T., Udo, N.S., dan Ojo, O.D (2014). The Impact of Internet on African Education and Culture. *International Journal of Business, Humanities and Technology*, 4 (3), 69-77.
- Furrer, C.J., Skinner, E.A., and Pitzer, J.R. (t.t). The Influence of Teacher and Peer Relationships on Students' Classroom Engagement and Everyday Motivational Resilience. *National Society for the Study of Education*, 113 (1), 101-123.

- Hamedah Wok Awang & Normah Teh. (2009). *Sekolah Sebagai Pembangunan Modal Insan*. Batu Cave: PTS Professional.
- Hery Noer Aly. (1991). *Ilmu Pendidikan Islam*. Jakarta: PT Logos Wacana Ilmu.
- Jamaludin Mohaiadin. World Wide Web (WWW): Keberkesanannya Dalam Pendikan Dan Masalah Yang Perlu Diatasi. *Konvensyen Teknologi Pendidikan ke 11 (5-6 September, 1998 – Kota Bahru)*.
- James Ang Jit Eng. (2007). *Pengurusan Disiplin Murid*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Johnson, G.M. (2010). Internet Use and Child Development: Validation of the Ecological Techno-Subsystem. *Techonology & Society*, 13(1), 176-185.
- Lydiah, L.M., dan Nasongo, J.W (2009). Role of Headteacher in Academic Achievement in Secondary Schools in Vihiga District, Kenya. *Current Research Journal of Social Sciences*, 1(3): 84-92.
- Khairul Azhar Idris (2000). Salah Laku Pelajar: Penyelesaian Secara Empati. *Visi*, 33-35.
- Khuzaimah Sulaiman. (2012). *Serlahkan Aura Guru Super*. Batu Cave: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Krejcie, R. V., and Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 608.
- Mazdi Marzuki (2004). Penggunaan Internet Dalam Proses Pembelajaran Geografi: Kajian kes Di Universiti Pendidikan Sultan Idris. *Seminar Kebangsaan Geografi Dan Alam Sekitar 2004. Geografi Dan Alam Sekitar Dalam Pendidikan Dan Pembangunan Negara. 3-4 Julai 2004, Jabatan Geografi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak*.
- Mikre, F. (2011). The Role of Information Communication Technologies in Education Review Article with Emphasis to the Computer and Internet. *Ethiop. J. Educ. & Sc.* 6 (2) (tiada m.s.)
- Mohamad Ali Hasan. (2004). Masalah Disiplin dan Jenayah di Kalangan Pelajar-pelajar Sekolah di Malaysia. *Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah Juvana Menurut Perspektif Islam, 10-11 Februari 2004*, Dewan Besar, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Mohammad Shahid Ismail dan Mahmood Nazar Mohamed (t.t). Remaja Menghidu Gam: Pengaruh Keluarga Dan Rakan Sebaya. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 131-152.
- Mohd Ismail Othman. (2006). *Menangani Disiplin di Sekolah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd. Jamil Yaacob. (2005). Memahami Remaja. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Muhammad Faizal A. Ghani, Saedah Siraj, Norfariza Mohd. Radzi dan Maszuria Adam. (2009). Kepimpinan Moral Pengetua Pemacu Keberkesanan Sekolah: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Manajemen Pendidikan*, No. 02/Th. V/Okttober/2009. Diakses melalui <file:///C:/Users/Internet%20Cafe/Downloads/3725-9599-1-SM.pdf>
- Noor Erma Abu dan Leong Kwan Eu. (2014). Hubungan Antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru Dan Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Januari 2014, Bil.2 Isu 1. Diakses melalui <repository.um.edu.my/35883/1/LKE%20JUKU%20ARTIKEL.pdf>
- Noor Khairyati Mohd. Ali. (2005). Realiti Semasa Masalah Disiplin Pelajar. *Dewan Masyarakat, April 2005*, 24-26.
- Noran Fauziah Yaakub dan Goh Chee Leong. (2007). *Keganasan Di Sekolah: Mara Ke Hadapan*. Diakses melalui www.Unicef.org/Malaysia/msl/reallives_6948.html
- Normah Mustaffa, Wan Amizah Wan Mahmud, Fauziah Ahmad, Maizatul Haizan Mahbob dan Mohd. Helmi Abd. Rahim. (2013). Kebergantungan Internet dan Aktiviti Online Remaja di Lembah Klang. *Jurnal Komunikasi. Malaysian Journal of Communication*. 29(1), 199-212.
- Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia. (1994). Kementerian Pendidikan Malaysia. *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/1994: Usaha Menanam Semangat Patriotisme Di Kalangan Pelajar Dan Senaman Ringkas Dalam Bilik Darjah*. Diakses melalui www.moe.gov.my/cms/upload_files/circularfile/1994/circularfile_file_000905.pdf
- Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/2001: Peringatan Mengenai Pengaruh Negatif Cybercafe dan Pusat Permainan Video Terhadap Murid-Murid Sekolah*. Diakses melalui www.moe.gov.my/cms/upload_files/circularfile/2008/circularfile_file_000106.pdf
- Pusat Perkembangan Kurukulum. (1992). Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Robiah K. Hamzah. (2011). *Nilai Murni Dalam Pengajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: DBP.
- Samat Buang. (2004). Masalah Pelanggaran Disiplin Pelajar: Punca dan Strategi. *Fokus*, Januari 2004, 11-15.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2012). *Sarana Ibu Bapa: Inisiatif Peluasan Pelaksanaan Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti Suatu Inisiatif Utama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Sharifah Madinah Syed Abdul Rahman. (2007). *Faktor pengetua: Menjana impak ke arah keberkesanan sekolah*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Sufean Hussin. (1995). *Pengajaran nilai dalam kurikulum*. (Edisi Kedua). Siri Pendidikan Fajar Bakti.
- Sammons, P., Gu, Q., Day, C., dan Ko, J. (2011). Exploring the impact of school leadership on pupil outcomes: Result from a study of academically improved and effective schools in England. *International Journal of Education Management*. 25(1), 83-101. Diakses melalui www.ied.edu.hk/apclc/downloadables/Publications/2011/Exploring%2520impact%2520on%2520pupil%2520
- Tengku Zawawi Tengku Zainal (2004). Penggunaan internet dalam pendidikan matematik. *Muaddib, Jurnal Penyelidikan*, 61-71.
- Wentzel, K.R. (1998). Social Relationships and Motivation in Middle School: The Role of Parents, Teachers, and Peers. *Journal of Educational Psychology*. 90(2), 202-209.
- Zainal Madon dan Mohd. Sharani Ahmad. (2006). *Panduan mengurus remaja moden*. Bentong: PTS Professional Sdn. Bhd.
- Zainudin Abu Bakar, Meor Ibrahim Kamaruddin dan Tan May Yang. (2009). *Pengaruh sikap, minat, pengajaran guru, dan rakan sebaya terhadap pencapaian matematik pelajar*. Diakses melalui <https://www.google.com.my/webhp?sourceid=chrome-instant&ion=1&espv=2&ie=UTF-8#q=sikap%20positif%20rakan%20Sebaya>
- Virginia Department of Education, Division of Technology & Human Resources, Office of Educational Technology (2007). Children and the Internet: Summarized From an Interview With Dr.Zheng Yan. *Information Brief, June 2007*, (tanpa m.s.). Diakses melalui www.doe.virginia.gov/support/technology/info_brief/children_internet.pdf